

# Keldai dadah: Dua nelayan ditahan bersama syabu RM660,000

UM 13/09/23 m/s 29

**BUTTERWORTH:** Polis merampas hampir 21 kilogram (kg) dadah jenis syabu bernilai RM660,000 selepas menahan dua nelayan dalam serbuan di Penaga, Kepala Batas, dekat sini Sabtu lalu.

Kedua-dua suspek berusia 50 dan 42 tahun itu ditahan menerusi serbuan kira-kira pukul 7 malam itu oleh sepasukan polis daripada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Se-

berang Perai Utara (SPU).

Ketua Polis IPD SPU, Asisten Komisioner Mohd. Asri Shafie berkata, suspek berkenaan ditahan ketika berada di dalam kereta berhampiran jeti Kuala Bekah.

“Berdasarkan risikan awal, bekalan syabu yang dipek di dalam 20 bungkusan teh Cina itu dibawa dari Kuala Lumpur dan akan dihantar ke Indonesia melalui jeti terbabit.

“Kedua-dua suspek ini ditugaskan untuk menghantar bekalan terbabit dan menerima upah sebanyak RM4,000 bagi setiap kg syabu yang dibawa.

“Turut dirampas sebuah bot gentian kaca milik salah seorang suspek dan sebuah kereta Toyota Harrier menjadikan nilai keseluruhan sitaan berjumlah RM860,000,” katanya dalam sidang akhbar semalam.

Mengulas lanjut, beliau berka-

ta, kedua-dua suspek aktif melakukan aktiviti berkenaan sejak awal tahun ini dengan seorang daripada mereka mempunyai rekod jenayah dadah.

“Ujian saringan air kencing pula mendapati kedua-keduanya positif dadah jenis syabu.

“Mereka direman selama enam hari berakhir Jumaat ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952,” katanya.